

## Hap Seng, TTDI KL Metropolis bekerjasama majukan tanah

**KUALA LUMPUR:** Hap Seng Land Development Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Hap Seng Consolidated Bhd, baru-baru ini memeterai dua perjanjian dengan TTDI KL Metropolis Sdn Bhd, untuk bekerjasama memajukan sebidang tanah pajakan seluas 3.622 hektar dalam kawasan pelan induk KL Metropolis.

Dalam satu kenyataan, syarikat itu berkata ia menandatangani perjanjian pemegang saham dan perjanjian hak pembangunan dengan TTDI KL Metropolis yang juga anak syarikat milik penuh TTDI Sdn Bhd bagi membentuk satu syarikat usaha sama (JV).

“Pembangunan bersama itu akan memiliki potensi nilai pembangunan kasar sebanyak RM3.8 bilion.

“Golden Suncity Sdn Bhd adalah syarikat JV dengan pemilikan 70-30 di bawah perjanjian pemegang saham antara Hap Seng Land Development dan TTDI KL Metropolis,” katanya.

Di bawah perjanjian hak pembangunan berkenaan, Golden Suncity Sdn Bhd akan diberi hak eksklusif untuk

memajukan tanah itu yang meliputi aspek reka bentuk, memajukan, membina serta menyiapkan pembangunan komersial bercampur-campur.

Naza TTDI adalah pemaju induk tanah seluas 30.55 hektar merangkumi pembangunan bercampur-campur ikonik yang bakal menjadi Wilayah Pameran Perdagangan Antarabangsa bagi Kuala Lumpur.

“Usaha sama ini tidak hanya memberi peluang bagi mengukuhkan kedudukan kami dalam sektor hartanah di Lembah Klang, tetapi secara rasmi mengukuhkan pakatan strategik antara dua konglomerat serta menjadi pemangkin transformasi pelan induknya,” kata Pengarah Urusan Hap Seng Group, Datuk Edward Lee.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq pula berharap kerjasama itu akan memberi sumbangan besar bagi menjadikan KL Metropolis satu pembangunan lestari. — Bernama